

BioMalaysia 2006 kejayaan besar

Um - 13/12/2006

A CARA bioteknologi terbesar Malaysia, BioMalaysia 2006 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru sahaja selesai dengan mencatatkan sambutan dan kehadiran yang membebangsangkan.

Lebih 5,000 pengunjung perdagangan dari 16 negara, 1,400 perwakilan dan 130 gerai pempamer dari 80 buah organisasi tempatan dan antarabangsa berkumpul selama tiga hari di satu-satunya acara besar bioteknologi di negara ini yang boleh dianggap sebagai satu platform perkongsian ilmu pengetahuan dan jaringan pemasaran prima.

Sebagai acara besar bioteknologi, Bio Malaysia 2006 merupakan satu persidangan dan pameran yang membabitkan pertubuhan tempatan dan antarabangsa bagi membincangkan perkembangan teknologi, perniagaan dan rentak selera selera pelabu-

ran terkini dengan bimbingan pakar tempatan dan antarabangsa dengan skop perbincangannya terbahagi kepada tiga segmen iaitu sains, industri dan kewangan.

Acara anjuran MOSTI bersama Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp) serta kerjasama Malaysian Bioindustry Organisation (MBIO) itu menyerlahkan aktiviti syarikat-syarikat yang banyak terlibat dalam bidang sains hayat selain institusi penyelidikan, syarikat kewangan, pakar perundangan, agensi-agensi kerajaan dan para pemain utama industri bioteknologi.

BiotechCorp merupakan agensi pelaksana yang menerajui pembangunan industri bioteknologi di negara ini manakala MBIO yang ditubuhkan pada 2002 itu menyediakan forum bagi kerjasama antara ahli-ahli dan industri bioteknologi secara umum.

Datuk Seri Abdullah juga telah mempergunakan Mesyuarat Kedua Panel Pena-

sihat Antarabangsa Bioteknologi (IAP) sehari sebelum perasmian Bio Malaysia 2006 pada 6 Disember lalu.

Bagi segmen pamerannya, Bio Malaysia 2006 berjaya mempamerkan produk dan hasil penyelidikan terkini di samping membawa kepada pertemuan terus antara pemain industri dalam sesi pertemuan satu dengan satu bagi membincangkan hal dan perkara menyentuh perkongsian perniagaan dan jaringan.

Seperti kata Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, Iskandar Mizal Mahmood; "Bio Malaysia 2006 memberikan peluang yang cukup luas dari segi jaringan, pemasaran dan perkongsian perniagaan selain platform menarik untuk berkongsi ilmu pengetahuan serta menyatukan banyak pemikiran hebat dari Malaysia dan negara luar.

"Ia membuka jalan dan memberi peluang kepada masyarakat bioteknologi tempatan

memperluaskan jaringan dan menjalin hubungan menerusi pertemuan sepanjang tiga hari acara berlangsung," katanya.

Kehadiran pakar antarabangsa juga memeriahkan lagi acara tersebut. Antara personaliti bioteknologi antarabangsa termasuklah rakan penemu virus HIV, Prof. Jean-Claude Chermann, Pengarah R&D ubat-ubatan bagi penyakit terabai, Switzerland, Prof. Dr. Simon L. Croft, pakar peneraju biologi struktur dan molekular, Prof. David Rice, Canselor Emiritus Curtin University of Technology, Australia, Dr. Eric Tan juga Profesor Biokimia Tumbuhan dan Nutrisi Universiti of Glasgow Prof. Alan Crozier.

Acara ini juga menjadi tempat berhimpun ahli-ahli akademik tempatan dan asing yang menaruh minat besar untuk

mengetahui perkembangan semasa berhubung bioteknologi.

Pada majlis pembukaan BioMalaysia 2006, Perdana Menteri juga telah menyerahkan Status BioNexus kepada tujuh buah organisasi manakala 39 lagi menerima geran pembiayaan bagi pihak 1,910 penyelidik dari seluruh negara. Status BioNexus ini hanya dianugerahkan kepada organisasi-organisasi bioteknologi yang layak menerima pengiktirafan itu.

Tujuh syarikat terpilih ialah Asiatic Centre for Genome Technology Sdn. Bhd., Inno Biologics Sdn. Bhd., IPT Kosmo Biotechnology Sdn. Bhd., KL Biotech Manufacturing Sdn. Bhd., Malaysian Biodiagnostic Research Centre Sdn. Bhd., Nova Laboratories Sdn. Bhd. dan Vivantis Technologies Sdn. Bhd.